

## Mengkuang dan Pandan: Keindahan Anyaman Kelarai di Terengganu

“Mengkuang and Pandan”: The Beauty of Kelarai Plaiting in Terengganu

NOOR HAFIZA ISMAIL, GREGORY ANAK KIYAI @ KEAI, KHAIRUN NISA MUSTAFFA HALABI, MAISARAH ABD HAMID, HAMDZUN HARUN, ZULISKANDAR RAMLI & SALINA ABD. MANAN

### *ABSTRAK*

*Mengkuang dan pandan merupakan pokok yang digunakan dalam penghasilan anyaman kelarai di Terengganu. Ia dapat dilihat tumbuh meliar di kawasan berpaya dan di pinggir pantai serta ditanam di persekitaran rumah. Terdapat 45 jenis anyaman kelarai di Terengganu yang mempunyai pelbagai motif, paten dan reka corak. Ianya terdiri daripada tumbuh-tumbuhan, binatang, abstrak dan nama orang yang dihasilkan bukan sahaja berfungsi sebagai barang kegunaan harian dan perhiasan semata-mata tetapi juga menitikberatkan nilai-nilai keindahan. Persoalannya adalah apakah refleksi di sebalik paten, motif dan reka corak pada anyaman kelarai di Terengganu? Bagi menjawab persoalan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sempurna melibatkan kajian lapangan di Terengganu. Hasil dapatan kajian mendapati reka corak dan motif yang dihasilkan melalui anyaman kelarai diinspirasi daripada persekitaran para penganyam itu sendiri. Setiap jenis motif anyaman yang dihasilkan menggunakan warna anyaman yang terang dan warna bertentangan atau kontra. Motif anyaman yang dihasilkan juga mempunyai makna tersurat dan tersirat disebalik hamparan sesebuah anyaman. Di sini menunjukkan kepekaan dan kehalusan kerja tangan masyarakat Melayu dahulu dalam menyampaikan sesuatu maklumat yang berunsur nasihat, tauladan dan perkara yang berlaku pada ketika itu dalam bentuk hasil kerja tangan anyaman mereka. Kajian yang dijalankan ini diharap dapat melestarikan anyaman mengkuang dan pandan daripada perubahan teknologi yang semakin berkembang maju kerana kejayaan sesuatu bangsa bergantung kepada kehebatan seni dan budaya sesuatu bangsa tersebut.*

*Kata kunci:* Mengkuang; pandan; motif; reka corak; anyaman kelarai

### *ABSTRACT*

*Pandan (Pandanus amaryllifolius) and Mengkuang (Pandanus artocapus) are tropical plants whose leaves are utilized in Terengganu's kelarai plaiting. This tree was easily found and usually found close to Plaiter's house and is growing wild nearby swamps and along the coast. In Terengganu, there are 45 different varieties of kelarai plaiting, which include botanical, animal, abstract, and eponymous names. The motif, pattern, and design of this painting are the topics that are highlighted. Therefore, this study explored different patterns, motifs, and designs of this art in Terengganu using qualitative methodologies through observation and secondary sources. The results demonstrated that each form of plaiting motif uses plaints, brilliant and contrasting color, and that the motif has both explicit and inferred significance. The pattern, design, and motif are inspired by the plaiters' surroundings. This demonstrated the skill and sensibility of the malay craftsmen who made the kelarai plaiting, as well as the values the plaiters brought with them in the form of counsel, reminders, and anecdotes about events that occurred when the kelarai plaiting was being made. As a result, it is important to preserve the Kelarai motif, design, and pattern for both present and future generations. The commercialization of this Kelarai plaiting and the diversification of the items derived from this art and craft will be aided by the application of technology in reproducing the theme, design, and pattern.*

*Keyword:* Mengkuang; pandan; motif; Pattern design; Anyaman kelarai

### PENGENALAN

Terengganu merupakan sebuah negeri yang kaya dengan hasil kerja tangan pelbagai jenis barang

perhiasan mahupun kegunaan harian. Keistimewaan ini menjadi suatu kebanggaan oleh rakyatnya yang hidup aman damai dan dikurniakan kepelbagai sumber alam semula jadi yang dapat dijadikan

sebagai salah satu kegiatan ekonomi yang memberi sumber pendapatan kepada penduduk tempatan. Penggunaan pokok mengkuang dan pandan yang tumbuh meliar dan subur di kawasan habitatnya memudahkan ia dijadikan bahan mentah.

Pada kebiasaanya kita tidak menyedari bahawa setiap jenis anyaman yang dihasilkan oleh masyarakat pada zaman dahulu mempunyai fungsi dan nilai estetik yang tersendiri serta mempunyai makna yang tersirat dan tersurat sehingga memberi penerangan berkaitan maksudnya yang penuh mendalam. Merujuk kepada Zainal Jumat (2008), dalam penulisannya yang memetik daripada kenyataan Lois Lamya Al-Faruqi mengatakan kesenian Islam yang dicipta serta dihasilkan menerusi kemahiran mempunyai nilai estetik yang sangat tinggi. Ini dapat dilihat dalam masyarakat Melayu zaman dahulu sangat kreatif dan mempunyai imaginasi yang tinggi dalam menghasilkan sesuatu benda yang boleh digunakan oleh generasi akan datang. Anyaman mengkuang dan pandan juga digunakan sebagai peralatan untuk kegunaan harian mereka seperti tudung saji, bakul untuk pakaian, pelapik gelas serta pingan dan dijadikan sebagai barang hiasan rumah. Setiap anyaman yang dihasilkan mengambil masa selama dua minggu hingga sebulan bagi proses menyiapkannya. Penghasilan sesuatu jenis anyaman juga bergantung pada saiz dan reka corak yang akan dihasilkan (Jagatheswary Narayanan 2010)

Pada kebiasaanya kita hanya melihat anyaman rotan dan buluh sahaja yang diketengahkan sebagai bahan untuk dijadikan perabot. Namun begitu, pada awal tahun 90-an anyaman mengkuang dan pandan telah melalui satu transformasi di mana daripada penghasilan barang kegunaan harian telah bertukar kepada barang perabot. Penghasilan produk baru ini disebabkan berlakunya perubahan cita rasa pengguna pada masa itu bagi dijadikan sebagai pengadang ruang, hiasan kepala katil, terendak lampu, hiasan dinding dan sebagainya. Melalui transformasi tersebut banyak anyaman mengkuang dan pandan digunakan pada perabot pada ketika itu bagi menghasilkan satu revolusi baru pada perabot serta menaiktaraf penggunaan anyaman mengkuang dan pandan ke peringkat yang lebih tinggi (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1989).

Ini bermakna anyaman mengkuang dan pandan juga boleh berada pada tahap yang sama dengan anyaman rotan yang banyak digunakan bagi menghasilkan perabot. Penghasilan perabot yang unik serta halus hasil kerja tangannya dari segi bentuk reka corak dapat dihasilkan dengan

lebih baik jika usaha yang keras dilakukan bagi menaik taraf penggunaan anyaman ini kepada masyarakat di dalam dan luar negara. Oleh itu masyarakat akan lebih terbuka pemikiran mereka tentang kepelbagaiannya penggunaan dan kepentingan anyaman ini kepada mereka.

Namun begitu, usaha yang berterusan perlu dijalankan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan agar ia dapat memberi kebaikan dan kepentingan kepada semua golongan masyarakat setempat pada masa ini. Ini kerana apa yang dapat dilihat pada anyaman ialah boleh dikomersialkan memandangkan ia merupakan hasil kerja tangan yang sangat bermutu tinggi serta halus rekaannya apabila diteliti dan dihayati daripada permulaan penghasilan sehingga siap anyaman tersebut. Dari sudut penghasilan reka corak yang memerlukan penelitian dan minat yang mendalam. Bagi menghasilkan sesuatu corak, kreativiti dan kecekapan dalam pengiraan sangat diperlukan dalam proses mengira bilangan langkah corak yang akan menghasilkan sebuah anyaman yang mempunyai reka corak berserta saiz yang diingini. Tanpa penelitian dan kesungguhan, pembuatan corak yang unik dan menarik tidak dapat dihasilkan dengan sempurna (Hamisa Samat 2009)

### PROSES PENGHASILAN ANYAMAN

Proses mengayam melibatkan beberapa aktiviti yang akan dimulai pada bahagian tengah anyaman atau badan sesuatu anyaman di panggil '*lagang*'. Permulaan anyaman pada bahagian tengah ini merupakan langkah bagi setiap jenis anyaman yang akan dihasilkan sama ada anyaman biasa maupun anyaman yang bermotif. Proses penghasilan anyaman memerlukan beberapa langkah yang perlu diambil bagi mendapatkan satu hamparan tikar. Sementara penggunaan bilah anyaman akan menentukan saiz yang diingini.


#### i. Langkah pertama



SUMBER: Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan. Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Bagi memulakan anyaman, 2 bilah daun diperlukan dengan meletakkan pada kedudukan yang bersilang serta bertindih bagi memudahkan kerja melipat bilah anyaman.


ii. Langkah kedua



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan.  
Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Seterusnya bilah A2 akan dilipat turun ke bawah B2 dan akan dilipat naik atas pada bahagian B2.

iii. Langkah ketiga



Sumber: Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan.  
Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Apabila langkah kedua telah siap dijalankan, bilah daun yang seterusnya C1/C2 akan ditambah bagi langkah yang seterusnya.


iv. Langkah keempat



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan.  
Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Bilah daun yang kedua D seterusnya ditambah dan kedudukan bertindan diatas C dan sebahagian lagi bertindih dengan A2.


v. Langkah kelima



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan.  
Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Peringkat yang seterusnya memerlukan bilah B2 ke atas dengan ditindan oleh bilah C2 pada bahagian atasnya.


vi. Langkah keenam



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan.  
Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Langkah yang berikutnya memerlukan hujung bilah B1 pula perlu dilipat keatas dengan bersilang dan menindih bilah C1.


vii. Langkah ketujuh



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan.  
Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Manakala bilah A1 pula akan dilipat turun ke bawah selari dengan bilah A1.


viii. Langkah kelapan



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan. Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Apabila bilah A1 telah dilipat turun ke bawah, seterusnya bilah B2 pula akan dilipat seperti bilah A1.


ix. Langkah kesembilan



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan. Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Peringkat yang seterusnya memerlukan penambahan 2 bilah baru E dan F secara serentak dengan menambah E1 bertindan dengan B1 dan D1 dan di tindan oleh F1. Sebahagian daripada F2 pula akan menyusup di bawah B2.


x. Langkah kesepuluh



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan. Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Manakala bilah C2 akan dilipat mengelilingi bilah E2 bagi langkah yang seterusnya.

xi. Langkah kesebelas



Sumber : Rujukan buku Anyaman Mengkuang & Pandan. Gambar bagi langkah pembuatan dihasilkan semula oleh penyelidik.

Langkah yang seterusnya dengan melipat bilah A1 ke atas dan menurunkan bilah D1 ke bawah. Langkah-langkah tersebut perlu diulang sehingga terbentuknya anyaman tikar. Manakala bagi bilah yang telah habis boleh disambung dengan bilah yang seterusnya sehingga selesai anyaman tersebut.

## DEFINISI REKA CORAK

Reka corak merupakan sesuatu yang terlalu meluas untuk diperkatakan memandang ia tidak hanya terhad pada sesuatu benda sahaja. Tetapi merangkumi semua benda yang terdapat di alam ini sama ada pada benda semula jadi mahupun ciptaan manusia. Ini menunjukkan reka corak sebagai sesuatu yang saling berkaitan antara manusia dengan alam sekitar. Mampu memenuhi dan melengkapkan keperluan serta kehendak manusia yang sentiasa inginkan kesempurnaan. Segala benda yang dapat dilihat pada pandangan manusia itu sama ada sesuatu yang menarik mahupun sebaliknya masih lagi dikategorikan kepada reka corak.


Ia turut diperlukan dalam kehidupan seharian manusia supaya dapat membantu manusia menyelesaikan sesuatu masalah di samping memberi kesenangan dan kemudahan kepada manusia. Reka corak tidak dapat bergerak dengan sendiri tanpa bantuan daripada benda yang lain seperti dengan adanya motif dan corak. Oleh itu, setiap benda yang terdapat di sekelilingnya saling berkaitan dalam menghasilkan sesuatu yang berguna kepada manusia. Ia juga akan memberi manfaat kepada benda hidup yang terdapat di dunia ini sama ada kepada binatang mahupun serangga.

Reka corak juga dikenali sebagai satu alat komunikasi dua hala yang bertindak sebagai sesuatu benda yang boleh mengetahui dan membantu manusia dalam sebarang permasalahan yang berkaitan (Noor Hafiza Ismail 2012). Reka corak turut dikenali sebagai satu alat mahupun komposisi yang bertindak sebagai alat perancangan dalam sesuatu kerja berbentuk 2 atau 3 dimensi. Ia merupakan salah satu daripada unsur yang bersifat formal yang akan digunakan di dalam seni dengan penggunaan ruang, warna, nilai dan disertai dengan unsur-unsur yang terdapat dalam prinsip reka bentuk.

#### JENIS-JENIS REKA CORAK

Reka corak bagi asas anyaman boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk yang mana biasa dilihat dalam hasil seni anyaman serta ragam hias Melayu tradisi. Pada kebiasaananya reka corak seni anyaman digunakan dalam seni songket dan batik. Penggunaan jenis ini telah dipraktikkan sejak zaman neolitik lagi yang mana kita dapat melihat dalam reka corak motif pucuk rebung yang menggunakan reka corak bentuk geometri. Apabila dilihat pada susunan jalinan berulang alik dari atas ke bawah telah membentuk reka corak persegi yang boleh menghasilkan corak sedikit berlainan hasil daripada teknik yang sama.

Proses menganyam daun sekali ke atas dan 2 kali ke bawah akan menghasilkan ‘garisan kepar’ atau dikenali juga dengan kepak atau sayap. Reka corak geometri yang telah bermula sejak zaman prasejarah lagi telah dimasukkan ke dalam tenunan bercorak tajam pada kain songket yang juga dikenali sebagai pucuk rebung (Norzehan Adli Muhammad et al. 2003).



GAMBAR 1. Contoh Anyaman jalur yang membentuk corak segitiga pada zaman dahulu serta gambar dibelah menunjukkan anyaman segitiga yang dipanggil pucuk rebung.

Sumber : Gambar di ambil dari kajian lapangan.

Anyaman di atas menunjukkan reka corak traditional pada anyaman tikar yang masih kekal digunakan sehingga ke hari ini walaupun ia merupakan reka corak pada zaman batu. Reka corak pucuk rebung yang terbahagi kepada 2 jenis ini menjadi motif bagi reka corak anyaman tikar dan songket yang dijadikan sebagai pilihan utama para pengaryam. Menurut Hjh. Rumlah Bt. Awang, anyaman pucuk rebung menjadi anyaman wajib bagi setiap jenis anyaman kelarai Melayu. Oleh itu, tidak hairanlah jika kebanyakan anyaman Melayu pasti mempunyai motif pucuk rebung dalam sebarang penghasilan mereka. Ia juga dapat dilihat pada anyaman buluh mahupun rotan yang dihasilkan pada produk industri turut menggunakan motif ini sebagai motif utama dalam anyaman tersebut. Begitu juga dalam penghasilan anyaman tikar mengkuang dan pandan yang kebanyakan anyaman kelarai yang dihasilkan pasti akan menggunakan motif pucuk rebung sebagai motif utama. Pada kebiasaananya digunakan pada perhiasan atau pun dijadikan sebagai sempadan (*border*). Fungsi anyaman tersebut supaya bertambah menarik, kelihatan lebih kemas dan tersusun mengikut jenis reka corak yang telah dihasilkan.

Ia akan menampakkan sesebuah anyaman itu kelihatan mewah dalam penggunaan motif tradisi zaman lampau. Ini kerana bentuknya yang geometrik menjadikan ia sebagai salah satu daripada motif yang diminati ramai selain daripada bentuk yang mudah tetapi dengan menggunakan pengolahan idea yang menarik dapat menghasilkan sebuah reka corak yang menarik. Ia dapat dilihat pada teknik pengulangan motif yang dihasilkan menjadikan anyaman jenis ini menjadi semakin unik.

#### PROSES PENGHASILAN REKA CORAK

Reka corak dihasilkan melalui susunan atau reka letak bilah anyaman mengikut kiraan yang ditetapkan akan memperoleh jenis motif dan corak yang diingini. Pelbagai jenis reka corak yang akan dihasilkan juga bergantung kepada beberapa jenis warna yang digunakan. Menurut Pn. Amnah Abdullah, melalui sesi temu ramah yang dijalankan mengatakan penggunaan warna memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan sesuatu reka corak. Penggunaan anyaman lebih daripada satu warna dapat menghasilkan corak yang menarik hasil daripada pertembungan warna di samping penyusunan bilah anyaman.

Oleh itu, penggunaan warna yang terang amat diperlukan serta warna-warna yang terang sudah menjadi ikutan kepada anyaman Melayu tradisi sejak zaman dahulu lagi. Ia berselang seli dengan warna yang berbeza (kontra). Pemilihan warna yang sesuai serta mengikut permintaan pasaran pengguna terkini dapat menarik perhatian pembeli untuk memilikinya. Bagaimanapun, bagi anyaman tempahan, beliau menggunakan warna anyaman mengikut permintaan pengguna itu sendiri.

Reka corak yang cantik dan menarik dapat dilihat pada rekaan anyaman kelarai kerana motif yang dihasilkan dapat menghiasi permukaan anyaman berbanding dengan anyaman 1 warna yang tidak bercorak mahupun motif. Manakala reka corak pada anyaman biasa berlaku disebabkan penyusunan warna yang terdapat pada bilah anyaman. Bagaimanapun, teknik penghasilan corak pada setiap jenis anyaman kelarai dan anyaman biasa mempunyai perbezaan yang tersendiri serta tidak terperangkap dalam jenis anyaman yang sama.

Di mana jenis anyaman kelarai menggunakan teknik langkah bilah 1, 2, dan seterusnya. Berbeza dengan langkah anyaman biasa atau anyaman tikar yang mana menggunakan langkah bilah 1 sahaja. Penyusunan dan pembuatan bilah anyaman biasa paling mudah dilakukan. Kebanyakan generasi muda yang mempelajari anyaman ini mudah untuk difahami dan dipelajari berbanding dengan anyaman kelarai yang lebih rumit. Kadang kala mengelirukan pandangan mata pembuatnya. Penghasilan anyaman biasa tidak serumit anyaman kelarai membolehkannya disiapkan dengan cepat serta tidak mengambil masa yang lama dalam menghasilkan sesuatu hamparan tikar mengikut saiz yang dikehendaki.

#### PENGHASILAN KELARAI

Proses penghasilan anyaman kelarai sama seperti anyaman biasa yang perlu dimulakan pada bahagian tengah yang mana kedua-dua bilah daun yang digunakan akan dilipat sama tengah dengan kedudukan yang bersilang antara satu sama lain dan akan membentuk sudut 45 darjah. Permulaan bagi teknik menghasilkan anyaman ini juga dikenali dengan ‘anyaman gadas’ yang merupakan proses wajib yang akan dilalui oleh setiap penganyam bagi permulaan sesuatu anyaman yang dijalankan.

Penghasilan bagi sesuatu jenis anyaman kelarai ialah menggunakan teknik penghasilan motif yang telah dirancang oleh penganyam. Sebelum memulakan anyaman para penganyam perlu mengetahui jenis motif yang akan dihasilkan memandangkan setiap jenis motif yang dihasilkan menggunakan teknik kiraan bilah yang berbeza.

Namun begitu jenis kelarai yang dihasilkan kadang kala mempunyai bentuk motif yang lebih kurang dengan bentuk motif yang lain. Ia juga dapat diberikan dengan jumlah bilah sahaja seperti motif bunga bemban dan bunga cina. Perbezaan jumlah bilah juga akan menentukan saiz kelarai yang akan dihasilkan. Kelarai bunga cina lebih besar dari bunga bemban kerana menggunakan 12 helai bilah. Selain itu, anyaman jenis ini dapat diberikan mengikut ‘hati bunga’ yang terletak di tengah-tengah sesuatu motif. Setiap 1 hati bunga akan menentukan motif yang dihasilkan sama ada bersaiz kecil atau besar sesuatu motif tersebut.


Kelarai bunga bemban pula menggunakan langkah 3 dengan angkat 1 bagi mendapatkan mata hati satu pada bahagian tengah bunga kelarai. Manakala bunga cina pula menggunakan langkah 4 dan mata hati langkah 3 dengan angkat 1 pada bahagian tengah mata hatinya. Oleh itu motif bunga cina lebih besar daripada bunga bemban hasil daripada perbezaan langkah bilah yang digunakan dalam proses penghasilan motif tersebut.

Bagaimanapun bagi penghasilan kelarai ‘terumbu gila’ pula mempunyai perbezaan dengan kelarai jenis ini kerana kelarai tersebut memerlukan kerangka bagi menghasilkan tudung saji. Namun begitu, terdapat juga kelarai ‘terumbu gila’ yang tidak menggunakan kerangka yang diperbuat daripada buluh tetapi hanya menggunakan teknik hentakan mahupun pengulangan anyaman yang sama sebanyak 3 kali. Hasil daripada pengulangan anyaman yang sama juga dapat memperkuatkan bentuk anyaman tersebut.

Susunan bilah juga saling bertindih sebanyak 3 kali dan menghasilkan motif berbentuk susunan kiub, pecah enam dan bunga bintang. Kelarai terumbu gila ini berlaku hasil daripada jenis susunan yang tidak sistematik jika dibandingkan dengan susunan kelarai biasa yang mudah bagi penghasilan motif yang mana boleh dilihat pada bilangan langkah yang digunakan dalam sesuatu motif yang dihasilkan. Reka corak yang terdapat pada kelarai juga merujuk kepada susunan warna yang digunakan yang mana


ia menampakkan sesuatu yang lebih menarik pada sesuatu motif yang akan membentuk reka corak tersebut (Ami Masra, Alam Wanita 1983).

Setiap motif yang dihasilkan tidak terlalu ketara dari segi penggunaan bilah mata yang diperlukan dalam menghasilkan motif yang tertentu. Motif tersebut juga biasanya berbeza dari segi bilangan anak mata yang akan digunakan sahaja. Oleh yang demikian, pakar penganyam sudah tentu dapat menghasilkan anyaman kelarai dengan pantas kerana telah mengetahui selok belok berkaitan dengan jumlah mata bagi setiap jenis anyaman yang akan dihasilkan.



GAMBAR 2. Contoh penghasilan kelarai bunga bemban memerlukan penggunaan bilah yang sama banyak bagi mendapatkan lebar dan panjang.

Sumber : Gambar di ambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 3 .Kelarai anyaman bunga cina pula memerlukan 12 helai bilah daun.

Sumber : Gambar di ambil dari kajian lapangan.

Penggunaan warna yang bersesuaian perlu diutamakan kerana ia memainkan peranan penting bagi menentukan saiz anyaman. Selain itu dapat menghasilkan sesebuah anyaman yang mempunyai

susunan warna yang menarik dan cantik hasil daripada proses pertindanan warna yang sesuai boleh diperolehi daripada proses pertindanan daun ketika aktiviti menganyam dijalankan. Pemilihan warna yang bagus menampakkan motif berlatar belakang yang sangat dinamik apabila penganyam dapat membezakan penggunaan daun yang bersesuaian. Seterusnya dapat menghasilkan sebuah reka corak yang menarik serta unik melalui kombinasi warna yang sesuai serta mengikut tema permintaan pasaran.

### ANYAMAN KELARAI

Kelarai yang menggunakan susunan helaian bilah anyaman mengikut kiraan 2, 3 dan kebanyakannya menggunakan gandingan warna yang terang terutamanya pada tudung saji, tikar dan sebagainya. Ia juga dapat disusun secara tunggal dan bebas iaitu secara menyeluruh atau dapat disusun dalam ruang yang tertentu. Susunan juga dapat dibahagikan kepada kelarai berdiri, sendeng dan serong.

Selain itu, kelarai sebenarnya dikenali sebagai motif dalam proses penghasilan anyaman yang mana ia memberi penumpuan kepada penghasilan sesuatu motif yang terdapat pada permukaan hamparan anyaman. Motif ini akan disusun dalam keadaan bersifat tunggal seperti yang telah dinyatakan di atas yang mana penyusunan tunggal juga merujuk kepada sebarang penyusuan yang dilakukan secara sendirian. Penyusunan jenis ini tidak akan melibatkan secara keseluruhan anyaman pada hamparan tikar tersebut.

Motif yang dihasilkan akan dijalankan mengikut rupa yang telah ditetapkan ataupun motif tunggal tersebut akan disusun dalam ruangan-ruangan yang tertentu sahaja sehingga terhasilnya sebuah reka corak daripada motif tunggal itu. Sesuatu bentuk kelarai yang dihasilkan biasanya dalam bentuk serong ataupun tegak. Turut dikenali dengan corak tegak dan berdiri. Bersesuaian dengan motif yang telah diterangkan secara lebih mendalam bagi mengetahui dengan lebih jelas mengenai motif kelarai (Siti Zainon Ismail, 1986).

Motif ini juga memerlukan pengetahuan yang tinggi kerana hanya mereka yang tertentu sahaja dapat menghasilkannya dengan kemas dan tersusun. Kebanyakan generasi muda hari ini juga tidak mampu menghasilkannya kerana pelbagai perkara yang perlu dititik beratkan dalam menghasilkan anyaman kelarai yang mempunyai pelbagai jenis motif.



GAMBAR 4. Contoh tudung saji berdasarkan kelarai

Sumber : Gambar di ambil dari kajian lapangan.

Jenis-jenis kelarai bermula daripada motif yang ringkas sehingga ke bentuk yang sukar dihasilkan banyak bergantung kepada jenis motif yang diingini kerana setiap motif yang dihasilkan akan melambangkan bentuk yang tertentu pada sesuatu jenis anyaman yang dihasilkan. Proses menyiapkan sesuatu jenis dan saiz anyaman mengambil masa yang agak lama. Tetapi memuaskan hati para pembuatnya apabila telah disiapkan kerana setiap jenis motif yang dihasilkan mempunyai keunikan yang tersendiri. Keunikan pada jenis motif menarik minat para peminat anyaman mahupun pelbagai pelancong dari dalam dan luar negara yang melihatnya disebabkan pelbagai jenis reka corak yang diperolehi hasil dari pengulangan motif.

Bagi mereka yang meminati aktiviti menghasilkan anyaman kelarai, ketekunan dan semangat kesungguhan yang tinggi diperlukan kerana tanpa kesungguhan ia tidak dapat disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan. Anyaman tersebut juga tidak dapat dihasilkan dengan penuh kesempurnaan hasil daripada ketiadaan keikhlasan hati menganyam sebuah anyaman yang bagus. Penghasilan motif kelarai juga dapat dihasilkan dalam pelbagai jenis corak yang sangat menarik hasil daripada pelbagai jenis warna dan bentuk.

Motif anyaman kelarai boleh diperolehi dengan banyaknya di kawasan Rusila, Terengganu dan merupakan tempat utama anyaman kelarai yang termasyur di Semenanjung Malaysia. Ia terus diwarisi dari satu generasi ke generasi Melayu yang seterusnya melalui proses pembelajaran informal dan formal pada masa kini (Mohamad Nazri Ahmad 2000). Terengganu merupakan ibu negeri kepada pelbagai jenis anyaman mengkuang dan pandan sehingga mempunyai pelopor dalam bidang

anyaman mengkuang dan pandan. Kepelbagaiannya jenis-jenis anyaman seperti tudung saji, terendak dan sebagainya telah mewujudkan pelbagai jenis motif anyaman di serata negeri di semenanjung yang menghasilkan anyaman mengkuang dan pandan.

Melalui temu ramah yang dijalankan dengan Kalsom Abdullah, salah seorang daripada tenaga anyaman yang pernah berkhidmat dengan pusat kraf Terengganu, terdapat 45 jenis motif anyaman kelarai Terengganu yang bermotifkan tumbuhan dan abstrak yang terdapat di negeri tersebut. Motif yang digunakan adalah seperti berikut :

- i. Kelarai yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan



GAMBAR 5. Kelarai bunga api

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 6. Kelarai bunga ator

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 7. Kelarai bunga beremban

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 8. Kelarai bunga cempaka

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 12. Kelarai bunga gedong

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 9. Kelarai bunga cengkeh

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 13. Kelarai bunga melor

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 10. Kelarai bunga cina

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 14. Kelarai bunga mempelas

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 11. Kelarai bunga durian

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 15. Kelarai bunga tanjung

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.

ii. Kelarai yang bermotifkan abstrak




GAMBAR 16. Kelarai pucuk jala

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 20. Kelarai belah ketupat

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 17. Kelarai pucuk rebung

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 21. Kelarai berakar

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 18. Kelarai tampok manggis

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 22. Kelarai beras patah

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 19. Kelarai tampok pinang

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 23. Kelarai berdiri

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 24. Kelarai berhati

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 28. Kelarai kisar mengiri

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 25. Kelarai berhati berkaki

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 29. Kelarai madu manis

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.




GAMBAR 26. Kelarai cengkih beranak

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 30. Kelarai mata berkait

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 27. Kelarai gelung paku

Sumber : Internet - Pinterest.



GAMBAR 31. Kelarai pecah lapan

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 32. Kelarai sambas

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 36. Kelarai tampok jantung

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 33. Kelarai sambas di dalam

SUMBER : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 37. Kelarai tampok pinang berantai

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.

iii. Kelarai yang bermotifkan haiwan



GAMBAR 34. Kelarai siku keluang

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 38. Kelarai anak ikan

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 35. Kelarai sisik kelah

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 39. Kelarai buntut siput

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 40. Kelarai jari kedidi

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 44. Kelarai tapak anjing

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 41. Kelarai kepala gajah

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 45. Kelarai tapak harimau

Sumber : Internet - Bing images



GAMBAR 42. Kelarai kepala lalat

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.

- iv. Kelarai yang bermotifkan nama manusia



GAMBAR 46. Kelarai cik kedah berakar

Sumber : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 43. Kelarai mata ketitir

SUMBER : Gambar diambil dari kajian lapangan.



GAMBAR 47. Kelarai cik kedah bersila

SUMBER : Internet - Bing images.



GAMBAR 48. Kelarai cik kedah Ketapang

SUMBER : Internet - *Bing images*.



GAMBAR 49. Kelarai mak mek

SUMBER : Internet - *Bing images*.

#### MAKNA DI SEBALIK PENGHASILAN MOTIF

Keunikan dan kehalusan kerja tangan masyarakat Melayu terdahulu tidak dapat diperkatakan lagi. Ia dapat dilihat pada hasil kerja tangan mereka secara tidak langsung menggambarkan keperibadian bangsa Melayu itu sendiri. Ini kerana setiap kesenian itu melambangkan adat budaya dan ketinggian daya kreativiti sesuatu bangsa yang perlu dipertahankan. Setiap jenis motif dan reka corak yang dihasilkan bukan sesuatu yang sia-sia tetapi mempunyai makna tersirat disebalik daya imaginasi yang tinggi oleh para pereka kekal digunakan sehingga ke hari ini.

Menurut Sapiah Othman, bekas tenaga pengajar pembuatan anyaman Pusat Kraftangan Terengganu, mengatakan pereka anyaman memberi pelbagai jenis nama anyaman tersebut. Setiap nama yang diberi tidak hanya terhad kepada sesuatu benda sahaja tetapi ia merangkumi semua yang terlintas di fikiran. Ini kerana terdapat juga nama anyaman yang diberi sempena nama pereka itu sendiri selain daripada nama yang berunsurkan daripada tumbuh-tumbuhan, binatang, serangga, makanan dan sebagainya.

Bagaimanapun kebanyakan mereka memberi nama setiap jenis motif dan corak yang dihasilkan pada anyaman biasa, kelarai, tikar, rompong dan

tudung saji diambil daripada persekitaran mereka hasil daripada penghayatan terhadap alam sekeliling yang menjadi sumber ilham dan rujukan utama mereka. Penghasilan anyaman berpandukan kepada alam juga akan makin mendekatkan mereka dengan Allah selaku pencipta alam semesta. Ini kerana pengamatan terhadap alam akan melahirkan rasa bersyukur di atas nikmat kurniaan illahi kepada mereka walaupun anyaman ini suatu ketika dahulu dikenali sebagai seni orang miskin yang mana ia dihasilkan oleh orang-orang kampung.

Apa yang dilihat oleh mereka di persekitaran secara tidak langsung memberi idea dengan mengadaptasi dalam anyaman yang dihasilkan. Oleh itu setiap jenis motif dan corak yang dihasilkan mempunyai makna di sebalik nama yang diberikan. Namun begitu, ia terlalu sukar untuk dikaji dengan lebih mendalam mengenai makna disebalik kesemua jenis anyaman yang dihasilkan memandangkan para pelapis anyaman kebanyakannya tidak mengetahuinya. Ia merupakan satu perkara yang sangat menyedihkan memandangkan bukan semua jenis motif dan corak dapat diketahui makna disebalik nama yang diberi.

Setiap jenis motif dan corak yang diberikan oleh para penganyam terdahulu memberi seribu erti disebalik keunikan setiap jenis anyaman yang dihasilkan. Penetapan nama bersesuaian dengan kepelbagaian motif dan corak. Penghayatan terhadap seni tradisi Melayu ini menjadi dorongan kepada pelapis hari ini menjadi seorang yang kreatif seperti mereka yang terdahulu. Selain itu, ia dapat melahirkan masyarakat berfikir dan menjadi satu langkah yang baik bagi mengasah daya imaginasi yang tinggi.

Sehubungan dengan itu perasaan cintakan seni warisan dapat dipelihara dengan jayanya melalui kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat yang prihatin tentang seni budaya bangsa. Ia menunjukkan tanpa sifat kreatif, manusia tidak dapat menghasilkan pelbagai jenis barang yang dapat membantu manusia dalam kehidupan seharian. Kesenian anyaman Melayu ini, apabila dilihat dan dihayati terlalu mempersonakan mata yang memandang. Ia bukan sahaja unik dari segi maknanya tetapi fungsi anyaman itu sendiri yang digunakan dalam kehidupan seharian walaupun banyak dijadikan sebagai perhiasan pada masa kini.

Penghasilan anyaman pada ketika itu dijalankan sebagai aktiviti masa lapang yang dilakukan oleh para suri rumah tangga. Namun mengalami perubahan apabila kerajaan menuju RISDA

bagi membantu masyarakat kampung meningkatkan sumber ekonomi keluarga mereka dengan memperluaskan dan memperkembangkan lagi anyaman ke peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu kerajaan juga mewujudkan pelbagai bentuk bantuan dan sokongan bagi membantu masyarakat kampung khususnya daripada belenggu kemiskinan. Melalui bantuan ini seni warisan dapat dipelihara selain dikembangkan ke serata dunia dalam usaha memperkenalkan budaya tempatan ke peringkat dunia.

### TOKOH ANYAMAN

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan yang dimana ia diurus tadbir oleh pihak kraftangan negara dengan menganjurkan pelbagai bentuk aktiviti yang dapat melindungi kraftangan negara. Selain daripada itu, pihak kerajaan juga melantik KARYANEKA bagi memasarkan barang kraf ke pasaran antarabangsa mahupun dalam Malaysia khususnya. Bagi menghargai penglibatan pengusaha kraf yang telah banyak menyumbang tenaga dan ilmu kepada bangsa dan kebudayaan negara membolehkan kerajaan memberi pengiktirafan yang tidak ternilai kepada mereka.

Oleh itu, pada tahun 1987 pusat kraf memperkenalkan Adiguru Kraf kepada para pengusaha kraf tanpa mengira bidang kraf yang dilakukan oleh mereka sebagai satu penghargaan atas usaha mereka memelihara warisan negara ini. Seterusnya, pada tahun 1998 Anugerah Tokoh Kraf Negara diperkenalkan bagi memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah bersusah payah mengembangkan seni warisan negara kepada masyarakat. Selain daripada itu, ia bertujuan meningkatkan semangat juang mereka supaya terus berbakti menghasilkan kerja tangan yang bermutu tinggi tanpa rasa jemu. Tanpa penghasilan kerja tangan ini, generasi akan datang sudah pasti tidak dapat mengenali pelbagai seni kraf turun temurun yang sangat bernilai sehingga dapat menaikkan nama kraf negara ke peringkat antarabangsa. Sebagai penghargaan kepada mereka yang telah banyak menyumbang bakti kepada seni kraf negara ini membolehkan kerajaan Malaysia melantik mereka sebagai Adiguru Kraf tanpa mengira bidang seni yang dihasilkan sama ada dalam penghasilan dan pengeluaran sutera, batik, aneka kraf dan anyaman.

Pada tahun 1982, Lembaga Kraftangan Negara telah menjalankan proses pemilihan bagi anugerah Tokoh Kraf Negara yang pertama melalui sebuah

pertandingan pertukangan tangan yang telah dijalankan oleh pihak Muzium Negara. Beliau merupakan penganyam anyaman mengkuang dan pandan yang berasal dari kampung Rusila, Terengganu iaitu Aminah bt. Ali yang telah lama terlibat dengan perusahaan anyaman tersebut di kampungnya. Beliau juga menjadi model bagi penghasilan anyaman bermula daripada aktiviti mengambil daun sehingga terbentuknya satu hamparan tikar anyaman kelarai yang terkenal di Terengganu pada ketika itu. Oleh itu pada tahun 1989 terhasillah sebuah buku Anyaman Mengkuang dan Pandan yang dikeluarkan oleh pihak kraftangan negara. Di mana dalam buku tersebut menunjukkan kesemua jenis anyaman kelarai Terengganu yang dipercayai terdiri daripada 45 jenis hasil temu bual penulis dengan Puan Rumlah Bt. Awang seorang Pengajar Program Pembangunan Usahawan yang telah berkhidmat dengan Kraftangan Terengganu sejak tahun 70-an. Bagaimanapun, menurut beliau, di dalam buku anyaman tersebut terdapat sedikit kesilapan mengenai anyaman Kelarai Bunga Kelabutan yang dipercayai berasal dari Brunei yang boleh diperolehi di kampung Benoni oleh Dayang Aishah bt Abang Husin turut dimasukkan kedalam buku tersebut.

Sedangkan anyaman tersebut bukan anyaman yang berasal dari Terengganu tetapi masih lagi kekal dengan sedikit kesilapan tersebut sehingga ke hari ini tanpa sebarang pembaikan. Secara tidak langsung ia mungkin akan mendatangkan sedikit kekeliruan kepada mereka yang mempunyai buku tersebut seandainya tidak mengetahui daripada awal tentang sedikit kesilapan yang berlaku. Selain daripada Aminah bt. Ali, terdapat beberapa orang lagi tokoh yang terlibat secara langsung dengan penciptaan motif anyaman mengkuang dan pandan seperti Cik Siah bt Jumaat yang juga merupakan penganyam dari Terengganu yang mana telah mencipta anyaman Kelarai Sambas yang dipercayai diambil nama sempena nama sebuah daerah yang terdapat di Borneo barat. Corak anyaman ini juga dipercayai mempunyai persamaan dengan reka corak batik yang terkenal di Terengganu pada awal 50-an yang mana pada kebiasaannya menggunakan warna tema daripada putih, hitam dan kuning. Selain beliau terdapat 2 orang lagi pencipta motif anyaman kelarai yang berasal juga dari Terengganu iaitu Hajah Asiah bt. Sallah yang mencipta kelarai tapak harimau. Sementara itu, Hajah Semek pula mencipta kelarai Mak mek yang mengambil ilham daripada sebuah kelarai yang telah sedia ada

kemudian mengubahnya dan digelarkan dengan nama beliau sendiri hasil daripada pengubahsuai anyaman kelarai yang dipercayai berasal dari Ulu Matang, Terengganu.



GAMBAR 50. Allahyarhamah Aminah bt. Ali sedang menghasilkan anyaman

Sumber: Gambar di ambil dari buku anyaman mengkuang dan pandan.

Tokoh yang seterusnya Allahyarhamah Minah Bt. Haji Amat merupakan seorang tokoh kraf anyaman rompong Melaka yang diperbuat daripada daun mengkuang. Beliau merupakan seorang pakar bidang anyaman tersebut sehingga mendapat anugerah Adiguru anyaman ini. Pada zaman kanak-kanak beliau, golongan wanita diasuh bagi mempelajari segala hal yang berkaitan dengan rumah tangga di samping mempelajari adat resam budaya Melayu sendiri yang pada ketika itu terkenal dengan kemahiran mengayam mengkuang.

Bermula daripada usia remaja lagi beliau telah dilatih membantu keluarganya yang pada ketika itu memang terlibat dengan perusahaan anyaman rompong yang diketuai oleh ibu dan neneknya. Oleh kerana masih muda beliau diberi tugas menyisip dan menyusun bilah-bilah mengkuang yang akan dianyam oleh ibu dan neneknya. Sehubungan dengan itu, secara tidak lansung minat terhadap anyaman datang dengan sendirinya apabila pelbagai ilmu mengayam diperoleh hasil daripada tunjuk ajar ibu dan nenek beliau mengenai anyaman rompong secara tidak langsung.

Kemahiran dan kecekapan yang ada pada diri beliau membolehkannya menerima tempahan yang banyak dalam tempoh waktu tertentu. Hasil daripada tunjuk ajar ilmu yang diperoleh daripada ibu dan neneknya seterusnya secara tidak langsung diperturunkan kepada anak perempuannya yang

bertanggungjawab membantu beliau dalam urusan anyaman rompong ini. Sama ada daripada langkah mengambil daun sehingga ke mengayam akan dibantu pula oleh anak perempuannya sebagaimana beliau yang bermula dengan membantu ibu dan nenek sehingga pandai menganyam rompong. Seterusnya pada tahun 1988, beliau dianugerahkan Adiguru Kraf Anyaman Rombong sebagai usaha kerajaan terhadap beliau dalam usaha memulihara anyaman ini daripada pupus di telan arus permodenan. Anyaman rompong beliau biasanya dihiasi dengan motif traditional Melayu seperti pucuk rebung, bunga tanjung, bunga cengklik dan potong wajib (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 2007).



GAMBAR 51. Allahyarhamah Minah Bt. Haji Amat

Sumber: Gambar di ambil dari buku anyaman mengkuang dan pandan.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulan daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa pokok mengkuang dan pandan menjadi salah satu daripada sumber bahan mentah. Ia digunakan bagi penghasilan kraftangan yang unik dan menarik. Pokok ini juga menjadi salah satu sumber yang dapat menghasilkan pelbagai jenis anyaman serta dapat memberi sumber pendapatan kepada masyarakat kampung khususnya. Pembuatan seni anyaman kelarai khususnya di Terengganu menjadi satu titik kepada perkembangan seni anyaman ke seluruh pelusuk negeri supaya tidak dimamah usia.

Anyaman kelarai mempunyai pelbagai jenis motif yang terdiri daripada motif tumbuh-tumbuhan, binatang, abstrak dan nama manusia. Setiap jenis motif ini diambil serta diinspirasi daripada persekitaran para penganyam. Turut mengambarkan betapa para penganyam kreatif menghasilkan ciptaan seni mereka dengan menterjemah dalam

barangan buatan tangan yang dapat digunakan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Sebanyak 45 jenis motif kelarai yang telah dihasilkan membentuk sebuah reka corak yang menggambarkan tentang seni anyaman di Terengganu. Di mana negeri ini merupakan salah satu dari negeri-negeri yang terdapat di Malaysia yang menjadi pengeluar anyaman bermotif kelarai paling popular sejak zaman dahulu lagi. Ini diakui sendiri oleh pegawai pusat Kraftangan Malaysia yang turut mengimport tenaga pengajar dari Terengganu bagi mempelajari teknik anyaman dalam kalangan staf keusahawanan mereka. Selain itu, kraftangan Melaka juga menghantar staf mereka ke pusat kraftangan Terengganu bagi mempelajari pelbagai jenis anyaman yang makin berkurangan serta kurang dijalankan dalam kalangan penganyam mereka.



GAMBAR 52. Contoh tudung saji Melaka berdasarkan corak rombong menggunakan motif kapal.

SUMBER: Gambar di ambil dari kajian lapangan.

Ini kerana dikhuatiri anyaman-anyaman tertentu terus hilang daripada pasaran. Para pegawai yang terlibat dengan bahagian keusahawanan itu sendiri akan menghadiri kursus berkaitan anyaman di pusat kraftangan Terengganu selain daripada menjemput mereka datang ke tempat kerja mereka bagi perkongsian ilmu serta sebagai pengetahuan asas pada pegawai yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang kraftangan anyaman tersebut. Penglibatan secara langsung kepada pegawai juga dapat membantu mereka meningkatkan pengetahuan dalam bidang yang berkaitan serta ia juga sebagai pengetahuan dalam menjalankan tugas mereka sebagai pegawai dalam bidang mereka.

Sehubungan itu, proses pembelajaran pembuatan anyaman perlu dititik beratkan kepada masyarakat supaya mereka dapat menghargai segala nilai kerja yang dijalankan oleh nenek moyang kita suatu ketika dahulu. Mereka juga perlu didekah dengan pelbagai teknik dan jenis motif anyaman supaya dapat dikembangkan lagi. Para penganyam juga perlu dilatih agar dapat mengetahui segala hal berkaitan anyaman supaya mereka dapat menyebarkan ilmu anyaman kepada generasi baru masa kini.

## RUJUKAN

- Ami Masra. Ogos 1983. Pantai Timur kaya dengan kraftangan, *Alam Wanita*. p.42-43
- Hamisa Samat (2009, Jun 30), bidang Anyaman boleh Dikomersilkan sehingga ke Peringkat Antarabangsa. *Bernama Online*
- Kraftangan. (2023, Mei 17). *Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia*. Retrieved from Program Pembangunan Industri Kraf. <https://www.kraftangan.gov.my/korporat/program-pembangunan-industri-kraf>
- Mohamad Nazri Ahmad. 2000. *Seni Anyaman: Siri Kraf Tangan*, Diterbitkan oleh Pustaka Mawar.
- Noor Hafiza Ismail. 2012. Mengkuang and Pandan Plaiting from Peninsular Malaysia. Tesis Sarjana. Malaysia: Universiti Teknologi MARA
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. 1989. *Anyaman Pandan & Mengkuang*: Kuala Lumpur: Penerbitan Kraftangan Malaysia.
- Siti Zainon Ismail. 1986. *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Jumat, Karya Seni Melayu Islam.2008. *Dewan Budaya*, Januari, P.18. Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Hafiza Ismail  
City Graduate School, City University Malaysia, Selangor  
Email: noorhafiza.ismail@gmail.com

Gregory Anak Kiyai @ Keai  
City Graduate School, City University Malaysia, Selangor

Khairun Nisa Mustaffa Halabi  
City Graduate School, City University Malaysia, Selangor

Maisarah Abd Hamid  
City Graduate School, City University Malaysia, Selangor

Hamdzun Harun  
Pusat Pengajian Citra Universiti Universiti Kebangsaan Malaysia

Zuliskandar Ramli  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia

Salina Abd. Manan  
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis